

JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA

KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM



PELAN



STRATEGIK

2016-2020

EDISI SEMAKAN PADA: 28 OGOS 2019



YBRS. TUAN JAILAN BIN SIMON
KETUA PENGARAH



MUHAMMAD HELMI BIN ABDULLAH
TIMBALAN KETUA PENGARAH
(OPERASI)



MAZNORIZAN BINTI MOHAMAD
TIMBALAN KETUA PENGARAH
(STRATEGIK & TEKNIKAL)

METMalaysia

METMalaysia

METMalaysia

ISI KANDUNGAN

PERUTUSAN KETUA PENGARAH	M/S
BAB 1: PENDAHULUAN	
• Ringkasan Eksekutif	1
• Latar Belakang	2
• Carta Organisasi	3
• Fungsi dan Peranan	4
• Punca Kuasa	5
BAB 2: SENARIO PERSEKITARAN	
• <i>Stakeholders</i> dan Pelanggan	6
• Cabaran dan Isu Semasa	8
BAB 3: HALA TUJU STRATEGIK	
• Visi	9
• Misi	9
• Etika	9
BAB 4: STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN	
• Teras Strategik Jabatan	10
• Pelan Tindakan	11
◆ Teras Strategik 1	11
◆ Teras Strategik 2	14
◆ Teras Strategik 3	15
◆ Teras Strategik 4	16
◆ Teras Strategik 5	18
BAB 5: IMPLEMENTASI KE ARAH KEJAYAAN	
• Elemen Penentu Kejayaan	20
• Mekanisme Pemantauan Pelaksanaan	21
Jawatankuasa Pengurusan Pelan Strategik Jabatan Meteorologi Malaysia	
Terma Rujukan Bagi Jawatankuasa Pengurusan Pelan Strategik Jabatan Meteorologi Malaysia	
• <i>The Way Forward</i>	23
• Akronim dan Singkatan	24

PERUTUSAN

KETUA PENGARAH



Pemeriksaan perkhidmatan meteorologi dan geofizik melalui pelaksanaan program-program bagi lima teras strategik yang terkandung dalam Pelan Strategik Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) 2016-2020 adalah mustahak dalam MET Malaysia mendukung tanggungjawab membekalkan khidmat meteorologi, iklim dan geofizik bagi memenuhi keperluan rakyat dan negara. Justeru, Pelan Strategik MET Malaysia 2016-2020 dipantau dan disemak pelaksanaannya secara berkala iaitu dua kali setahun bagi memastikan perancangan dapat dilaksanakan dan selaras dengan perubahan dasar Kerajaan. Sehingga tahun keempat pelaksanaannya, Pelan Strategik MET Malaysia 2016-2020 telah dikemas kini dua kali dengan mengambil kira perubahan senario yang berlaku dalam Jabatan agar ia seiring dengan perkembangan semasa dan membantu persediaan negara menghadapi bencana cuaca termasuk jerebu, gempa bumi dan tsunami pada masa akan datang.

Pada tahun ini, operasi pemantauan cuaca MET Malaysia dilakukan menerusi rangkaian 42 Pejabat Meteorologi Utama, 203 stesen cuaca automatik, 183 stesen cuaca konvensional, 8 stesen pencerapan udara atas, 12 stesen radar cuaca dan 5 stesen bumi penerimaan data satelit meteorologi. Sistem Amaran Awal Tsunami Nasional Malaysia di MET Malaysia pula meliputi 77 stesen seismologi, 53 siren tsunami, 17 tolok pasang surut air laut dan 18 kamera pantai. Untuk pemantauan keadaan atmosfera dan jerebu merentas sempadan, MET Malaysia dilengkapi dengan 23 stesen komposisi atmosfera.

Demikian juga, MET Malaysia kini mempunyai keupayaan dari segi ilmu pengetahuan dan kepakaran bagi membangun dan mengoperasikan *Radar Integrated Nowcasting System* (RaINS). Kombinasi daripada output Sistem *High Performance Computing* MET Malaysia dan sistem radar cuaca yang mencerap gema radar hujan di seluruh negara, RaINS boleh menghasilkan unjuran pergerakan dan intensiti hujan untuk setiap 10 minit sehingga tiga jam ke hadapan pada resolusi tinggi 800 meter persegi.

Di kesempatan ini, saya juga ingin menggalakkan orang ramai untuk memuat turun aplikasi mobil myCuaca versi 2.0 melalui *Google Play Store* atau *Apple App Store* bagi akses pantas kepada maklumat cuaca dan gempa bumi yang terkini. Orang ramai turut digalakkan mendaftar sebagai RakanMET di <https://rakanmet.met.gov.my/> untuk perkongsian maklumat sahih mengenai perkembangan cuaca semasa di negara.

YBrs. Tuan Jailan Bin Simon

Ketua Pengarah

Jabatan Meteorologi Malaysia

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi,

Alam Sekitar dan Perubahan Iklim

September 2019

BAB 1

PENDAHULUAN



RINGKASAN EKSEKUTIF

Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) merupakan agensi rasmi tunggal negara yang membekalkan perkhidmatan meteorologi, seismologi dan tsunami. Perubahan dan keragaman iklim sejagat telah menyebabkan kejadian cuaca ekstrem yang mengakibatkan bencana alam di Malaysia. Negara juga mengalami kejadian gempa bumi dan pernah dilanda tsunami. Kejadian bencana alam ini telah menyebabkan kehilangan nyawa dan kerosakan harta benda kepada Negara. Justeru, usaha berterusan dilaksanakan oleh MET Malaysia bagi mengurangkan impak bencana akibat cuaca, gempa bumi dan tsunami.

MET Malaysia merupakan agensi rasmi tunggal negara yang membekalkan perkhidmatan meteorologi, seismologi dan tsunami...

Teras Pertama :
maklumat cuaca yang tepat dan cepat

Teras Kedua:
perkhidmatan meteorologi untuk navigasi udara dan keselamatan penerbangan

Teras Ketiga:
maklumat gempa bumi dan tsunami yang tepat dan cepat

Teras Keempat:
maklumat tinjauan cuaca jangka sederhana dan iklim

Teras Kelima:
peningkatan kepakaran dan keupayaan sumber manusia


Pelan Strategik MET Malaysia 2016-2020 adalah kesinambungan kepada Pelan Strategik 2012-2015. Pelan ini dibangunkan bagi memeta hala tuju, merangka agenda pembangunan dan pelaksanaan serta memantapkan pengurusan dan tadbir urus bagi tempoh lima tahun akan datang. Untuk merealisasikan pelan ini, MET Malaysia telah menambahkan visi dan misi Jabatan terdahulu supaya relevan dengan keperluan dan perubahan semasa bagi memartabatkan MET Malaysia sebagai agensi antara yang terbaik di Asia. Penambahbaikan ini dibuat berdasarkan ketersediaan sumber-sumber dan prioriti keperluan rakyat serta Negara.

MET Malaysia telah menetapkan lima Teras Strategik dalam Pelan ini. Teras Pertama memfokuskan kepada penyampaian maklumat cuaca yang tepat dan cepat kepada rakyat dan pihak berkepentingan bagi mengurangkan impak bencana cuaca terhadap sosio-ekonomi Negara. Teras Kedua memantapkan perkhidmatan meteorologi untuk navigasi udara dan melaksanakan obligasi di peringkat antarabangsa bagi memastikan keselamatan penerbangan. Teras Ketiga memperkasakan penyampaian maklumat gempa bumi dan tsunami yang tepat dan cepat kepada rakyat serta pihak berkepentingan bagi mengurangkan impak bencana gempa bumi dan tsunami terhadap sosio-ekonomi Negara. Teras Keempat mengukuhkan keberkesanan maklumat tinjauan cuaca jangka sederhana dan iklim bagi persediaan Negara menangani perubahan dan keragaman iklim. Teras Kelima meningkatkan kepakaran dan keupayaan sumber manusia bagi memantapkan perkhidmatan meteorologi dan geofizik agar sejajar dengan keperluan Negara.

LATAR BELAKANG JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA



CARTA ORGANISASI JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA



PERANAN JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA

Bagi merealisasikan visi, misi dan objektif yang telah ditetapkan, Jabatan Meteorologi Malaysia telah diberi mandat dalam melaksanakan peranan dan fungsi utama seperti berikut:

- Mengekalkan rangkaian stesen pencerapan yang berteknikal maju bagi membantu pemantauan keadaan cuaca dan iklim, dan aktiviti seismik dan tsunami negara.
- Mengeluarkan maklumat dan ramalan cuaca bertepatan masa untuk penerbangan awam dan tentera, pelbagai aktiviti marin dan orang awam.
- Mengeluarkan maklumat gempa bumi dan tsunami bertepatan masa untuk agensi pengurusan bencana, orang awam dan media.
- Menyedia maklumat cuaca, keadaan laut, gempa bumi dan tsunami dengan segera kepada orang awam, media dan agensi kerajaan yang terlibat dalam menangani bencana yang boleh menjejaskan negara.
- Menyediakan amaran awal tentang kemungkinan berlakunya fenomena cuaca buruk, keadaan laut bergelora dan ancaman tsunami kepada orang awam, media dan agensi berkaitan yang terlibat dalam menangani bencana.
- Menyediakan maklumat dan khidmat meteorologi, iklim dan geofizik kepada pelbagai industri kejuruteraan awam dan pembinaan.
- Menyusun dan mewujudkan pangkalan data kajiklim, kandungan atmosfera, seismologi dan tsunami yang melepasi kawalan kualiti di samping menyediakan statistik.
- Memantau kandungan atmosfera di Malaysia dan menyediakan maklumat dan nasihat teknikal dalam pelbagai aspek meteorologi pencemaran udara.
- Menjalankan operasi pembenihan awan bagi menangani isu jerebu, meningkatkan sumber air dan pelbagai tujuan lain.
- Menerbitkan pelbagai laporan dan buletin meteorologi, iklim dan geofizik.
- Menyediakan latihan dalam bidang meteorologi, iklim dan geofizik.
- Mempromosikan kesedaran awam mengenai cuaca ekstrem, gempa bumi dan tsunami.
- Menggalakkan kemajuan bidang sains meteorologi, iklim dan geofizik melalui penyelidikan.
- Membangun sumber manusia yang berpengetahuan, berkualiti, cekap, berdaya tahan dan bertanggungjawab.
- Menjalin kerjasama dan menyertai program serantau dan antarabangsa dalam penyelidikan, pengutipan dan pertukaran data dan pelbagai aktiviti meteorologi, iklim dan geofizik.

PUNCA KUASA


WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

PERINTAH MENTERI-MENTERI KERAJAAN PERSEKUTUAN (NO. 2) (PINDAAN) 2017

Jabatan Meteorologi Malaysia

Mengendalikan dan menyediakan perkhidmatan saintifik meteorologi dalam bidang-bidang yang berikut:

- Pencerapan Meteorologi
- Meteorologi Penerbangan
- Tinjauan Cuaca
- Kaji Iklim dan Hidrometeorologi
- Meteorologi Lautan dan Oseanografi
- Meteorologi Pertanian
- Kajian Sains Atmosfera
- Pembenihan Awan
- Gempa Bumi dan Tsunami



BAB 2

SENARIO PERSEKITARAN




STAKEHOLDERS DAN PELANGGAN

STAKEHOLDERS

Luaran

- Kementerian Dalam Negeri (KDN)
- Jabatan Alam Sekitar (JAS)
- Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM)
- Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS)
- Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
- Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)
- Kerajaan Negeri Dan Tempatan
- Kementerian Pertahanan Malaysia
- Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
- Unit Perancang Ekonomi (EPU)
- *ASEAN Sub-Committee on Meteorology and Geophysics (SCMG)*
- *UNESCO - Intergovernmental Oceanographic Commission/Indian Ocean Tsunami Warning and Mitigation System*
- *UNESCO - Intergovernmental Oceanographic Commission/Pacific Tsunami Warning and Mitigation System*
- *International Civil Aviation Organization (ICAO)*
- *World Meteorological Organization (WMO)*



Dalaman

- Menteri Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
- Timbalan Menteri Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
- Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
- Bahagian Perubahan Iklim



PELANGGAN

Luaran

- Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM)
- Agensi Pengurusan Bencana (NADMA)
- Jabatan Alam Sekitar (JAS)
- Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS)
- Komuniti Saintifik
- Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)
- Tentera Laut dan Udara
- Operator Feri
- Pengurusan Empangan
- Orang Awam
- Industri dalam Sektor Pembuatan, pengeluaran gas, minyak dan petrokimia, pembinaan, perladangan dan pertanian, perubatan dan pemeliharaan alam sekitar
- Organisasi Antarabangsa (ICAO, WMO, IOC, ASEAN SCMIG, AEIC, USGS, ISC)
- Syarikat-syarikat Swasta
- Media Massa
- Agensi-agensi Kerajaan Lain




Dalaman

- Agensi Nuklear Malaysia
- Malaysian Space Agency (MYSA)
- Akademi Sains Malaysia (ASM)
- Bahagian Kawalan Pencemaran
- Jabatan Standard Malaysia
- Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA)
- SIRIM Berhad



CABARAN DAN ISU-ISU SEMASA



- i. Ketepatan ramalan dan tinjauan cuaca di kawasan tropika
- ii. Kefahaman masyarakat dalam aspek meteorologi, iklim dan geofizik
- iii. Keupayaan untuk mengadaptasikan model ramalan cuaca dan iklim untuk kegunaan serantau
- iv. Maklumat cuaca mudah diperolehi daripada pelbagai sumber tidak rasmi
- v. Perkembangan teknologi yang pantas
- vi. Kekangan sains meteorologi dalam memenuhi kehendak pengurusan risiko bencana
- vii. Perubahan dan keragaman iklim
- viii. Keberkesanan operasi pembenihan awan
- ix. Kekangan kepakaran tempatan dalam bidang meteorologi, iklim dan geofizik
- x. Penularan maklumat cuaca, iklim dan geofizik yang tidak sah



BAB 3

HALA TUJU STRATEGIK



VISI

Menjadi agensi peneraju unggul dalam bidang meteorologi, iklim dan geofizik

MISI

Membekal perkhidmatan meteorologi, iklim dan geofizik yang cekap dan berkesan untuk kesejahteraan, keselamatan dan pembangunan lestari selaras dengan keperluan negara dan antarabangsa

ETIKA

Kod Etika Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) menggariskan nilai murni, kualiti peribadi, etika kerja dan tatakelakuan yang perlu dihayati dan diamalkan oleh semua warga (MET Malaysia) adalah seperti berikut :

- Ikhlas dan jujur dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab.
- Sentiasa menjaga tertib dalam berbicara dan tingkah laku serta keterampilan.
- Bijak dalam pemikiran dan tindakan serta cergas dan cekap dalam pelaksanaan tugas serta tidak menyalahgunakan kedudukan demi kepentingan peribadi.
- Tidak boleh menerima apa-apa keraian dan mengelakkan situasi yang boleh menimbulkan syak wasangka.
- Mengelakkan diri dalam keadaan yang boleh menimbulkan percanggahan kepentingan atau *conflict of interest*.
- Sentiasa menghargai dan mengutamakan pelanggan.
- Komitmen dan inisiatif yang tinggi dalam memberikan perkhidmatan yang adil dan berkualiti.
- Bijak dalam berkomunikasi berprinsipkan kejujuran dan saling hormat menghormati antara pekerja dan Jabatan serta pelanggan.
- Sentiasa mengambil langkah proaktif untuk mempertingkatkan kualiti kerja ke arah kecemerlangan sains, teknologi dan inovasi.

BAB 4

STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN



TERAS STRATEGIK MET MALAYSIA



1. Meningkatkan keberkesanan perkhidmatan cuaca bagi mengurangkan risiko bencana




2. Memantapkan perkhidmatan meteorologi penerbangan bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan penerbangan



5. Memperkasakan pembangunan modal insan



3. Memperkasakan perkhidmatan gempa bumi dan tsunami bagi mengurangkan risiko bencana gempa bumi dan tsunami



4. Memperkukuhkan perkhidmatan iklim bagi kemakmuran negara

BAB 5

IMPLEMENTASI KE ARAH KEJAYAAN



ELEMEN PENENTU KEJAYAAN

Lima elemen utama dikenalpasti sebagai penyumbang kepada kejayaan pelaksanaan pelan strategik ini seperti berikut:

1. Pengurusan Ilmu (*Knowledge Management*)

Pengetahuan dan kepakaran yang tinggi berkaitan *core business* meteorologi dan geofizik serta sistem penyampaian perkhidmatan yang berkesan boleh dikongsi dan ditambah nilai melalui Pengurusan Ilmu atau *Knowledge Management* (KM). KM merupakan satu mekanisme pengurusan di dalam melahirkan modal insan yang berpengetahuan bagi menjamin sistem penyampaian yang berkesan untuk menjayakan teras strategik MET Malaysia .

2. Pembangunan Modal Insan

Pembangunan modal insan MET Malaysia dimantapkan dengan memberi tumpuan kepada peningkatan ilmu, kepakaran dan keterampilan melalui program pembangunan kompetensi yang sesuai dalam bidang-bidang kritikal dan strategik. Pendekatan *mentor-mentee*, *coaching*, pengurusan pembangunan kerjaya, kaunseling dan penerapan nilai-nilai murni akan turut dilaksanakan bagi melahirkan modal insan yang kompeten, profesional dan berintegriti.

3. Kapasiti Organisasi

Kapasiti organisasi MET Malaysia akan diperkukuhkan agar dapat melaksanakan program/tindakan baharu ke arah mencapai matlamat strategik yang ditentukan. Kapasiti ini akan disokong oleh struktur organisasi yang mantap dan pelaksanaan tugas secara fleksibel.

4. Pelaksanaan dan pemantauan yang berkesan

Kejayaan pelan strategik ini amat bergantung kepada cara pelaksanaan dan pemantauan yang mantap. Pemantauan hendaklah diadakan secara berkala dan penambahbaikan dibuat pada setiap peringkat pelaksanaan supaya ia sentiasa berada di landasan yang betul.

5. Penerimaan dan sokongan *stakeholder*

Sokongan *stakeholder* merupakan faktor penentu kejayaan dan keberkesanan pelaksanaan Pelan Strategik MET Malaysia. Tanpa sokongan dan penghayatan adalah sukar untuk menentukan hala tuju dalam mencapai matlamat yang telah disasarkan oleh agensi.



MEKANISME PEMANTAUAN PELAKSANAAN

Pelan Strategik Jabatan Meteorologi Malaysia 2016 – 2020 merupakan rujukan utama Jabatan untuk mencapai matlamat dan sasaran yang telah ditetapkan. Di dalam tempoh pelaksanaan Pelan Strategik ini, elemen penambahbaikan akan diberi perhatian dari semasa ke semasa. Justeru itu pemantauan terhadap pelaksanaannya akan dibuat oleh satu Jawatankuasa seperti berikut:

JAWATANKUASA PENGURUSAN PELAN STRATEGIK JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA

Pengerusi : Timbalan Ketua Pengarah (Strategik & Teknikal)

Timbalan Pengerusi : Pengarah Bahagian Perancangan Strategik & Antarabangsa

Ahli:

- | | | | |
|-----|--|---|--------|
| 1. | Pengarah Kanan Pusat Meteorologi Penerbangan Nasional | - | PK(PN) |
| 2. | Pengarah Kanan Pusat Instrumentasi Meteorologi dan Sains Atmosfera | - | PK(IA) |
| 3. | Pengarah Pusat Operasi Cuaca dan Geofizik Nasional | - | P(CG) |
| 4. | Pengarah Pusat Iklim Nasional | - | P(IN) |
| 5. | Pengarah Bahagian Teknikal Cuaca dan Geofizik | - | P(TG) |
| 6. | Pengarah Bahagian Radar & Satelit Meteorologi | - | P(RS) |
| 7. | Pengarah Bahagian Penyelidikan & Pembangunan Teknikal | - | P(PT) |
| 8. | Pengarah Bahagian Komunikasi Meteorologi | - | P(KM) |
| 9. | Pengarah Bahagian Latihan Teknikal | - | P(LT) |
| 10. | Pengarah Bahagian Sains Atmosfera & Pembenihan Awan | - | P(AP) |
| 11. | Pengarah Bahagian Instrumentasi Meteorologi | - | P(IM) |
| 12. | Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan | - | P(KP) |
| 13. | Ketua Unit Komunikasi Korporat | - | K(KK) |
| 14. | Pengarah Pejabat Meteorologi Sabah | - | P(SH) |
| 15. | Pengarah Pejabat Meteorologi Sarawak | - | P(SK) |
| 16. | Pengarah Pejabat Meteorologi Pulau Pinang | - | P(PP) |
| 17. | Pengarah Pejabat Meteorologi Pahang | - | P(PG) |



TERMA RUJUKAN BAGI JAWATANKUASA PENGURUSAN PELAN STRATEGIK

1. Membangunkan pelan operasi atau jadual pelaksanaan yang terperinci terhadap setiap strategi dan program;

2. Menentukan isu-isu serta tindakan-tindakan strategik;

3. Menyediakan laporan pencapaian KPI bagi setiap program di bawah strategi-strategi yang ditetapkan;

4. Menentukan mekanisme pemantauan dan pengukuran pencapaian bagi penambahbaikan berterusan;

5. Melaksanakan kajian impak mengikut keutamaan kepada program yang signifikan kepada pencapaian strategik;

6. Memantau pencapaian KPI bagi setiap program di bawah strategi- strategi yang ditetapkan;

7. Menyelia dan menyelaras peruntukan sumber bagi setiap program yang dilaksanakan;

8. Melaksanakan kajian semua program untuk memastikan sasaran mencapai tahap yang optimum;

9. Melaksanakan kajian semula pelan strategik bagi menyelaras hala tuju dan strategi yang bersesuaian dengan cabaran dan keperluan semasa;

10. Mesyuarat Pengurusan Pelan Strategik akan bersidang setiap enam bulan;

11. Menyelaras penyediaan dokumen Pelan Strategik; dan

12. Menyemak deraf Pelan Strategik sebelum dimuktamadkan.

THE WAY FORWARD

MET Malaysia di harap akan menjadi lebih terserlah terutamanya dalam aspek tadbir urus dan sistem penyampaian perkhidmatan menjelang tahun 2020. Oleh kerana peranan utama yang dilaksanakan oleh MET Malaysia adalah suatu agenda yang berterusan, maka pelaksanaan Pelan Strategik Jabatan Meteorologi Malaysia 2016-2020 selama lima tahun bukanlah suatu tempoh yang mencukupi untuk mengukur pencapaiannya secara holistik. Sehubungan itu, usaha bagi membangun dan memantapkan lagi transformasi pengurusan serta perkhidmatan meteorologi perlu diteruskan mengikut keperluan semasa.



Pada tahun 2020, adalah diharapkan MET Malaysia akan berupaya untuk melonjak ke tahap berikut:

Menjadi agensi peneraju unggul dalam bidang meteorologi, iklim dan geofizik

Menyediakan perkhidmatan meteorologi yang menjadi penanda aras di peringkat antarabangsa

Menyediakan piawaian (*standard*) perkhidmatan yang seragam & melangkaui jangkaharap pelanggan serta *stakeholders*

Memiliki sumber manusia yang mempunyai ciri-ciri *k-worker*

Mencapai *Key Performance Indicator* (KPI) mengikut sasaran yang ditetapkan



AKRONIM DAN SINGKATAN

AEIC	<i>ASEAN Earthquake Information Centre</i>
ASM	Akademi Sains Malaysia
BPPT	Bahagian Penyelidikan & Pembangunan Teknikal
BIM	Bahagian Instrumentasi Meteorologi
BKM	Bahagian Komunikasi Meteorologi
BKP	Bahagian Khidmat Pengurusan
BLT	Bahagian Latihan Teknikal
BPSA	Bahagian Perancangan Strategik & Antarabangsa
BRSM	Bahagian Radar & Satelit Meteorologi
BSAPA	Bahagian Sains Atmosfera & Pembenihan Awan
BTCG	Bahagian Teknikal Cuaca dan Geofizik
CAAM	Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia
EPU	Unit Perancang Ekonomi
ICAO	<i>International Civil Aviation Organization</i>
ICT	<i>Information and Communications Technology</i>
IOC IOTWMS	<i>Intergovernmental Oceanographic Commission/Indian Ocean Tsunami Warning and Mitigation System</i>
IOC PTWMS	<i>Intergovernmental Oceanographic Commission/Pacific Tsunami Warning and Mitigation System</i>
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institut Pengajian Tinggi Swasta
ISC	<i>International Seismological Centre</i>
JAS	Jabatan Alam Sekitar
JPAM	Jabatan Pertahanan Awam Malaysia
JPS	Jabatan Pengairan Dan Saliran
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KPI	<i>Key Performance Indicator</i>
LKIM	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
LPTA	Lembaga Perlesenan Tenaga Atom
MESTECC	Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
MET Malaysia	Jabatan Meteorologi Malaysia
MKN	Majlis Keselamatan Negara
MOF	Kementerian Kewangan Malaysia
MOSTE	Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar
MYSA	<i>Malaysian Space Agency</i>
NADMA	Agensi Pengurusan Bencana Negara
NGO	<i>Non-governmental Organization</i>
PIMSA	Pusat Instrumentasi dan Sains Atmosfera
PIN	Pusat Iklim Nasional
PKM	Perkhidmatan Kajicuaca Malaysia
PM	Pejabat Meteorologi
PMPN	Pusat Meteorologi Penerbangan Nasional
POCGN	Pusat Operasi Cuaca dan Geofizik Nasional
SCMG	<i>Sub-Committee on Meteorology and Geophysics</i>
SM	Stesen Meteorologi
SPSM	Seksyen Pembangunan Sumber Manusia
UKK	Unit Komunikasi Korporat
UNESCO	<i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i>
USGS	<i>United States Geological Survey</i>
WMO	<i>World Meteorological Organization</i>





Jabatan Meteorologi Malaysia
Ibu Pejabat Jabatan Meteorologi Malaysia
Jalan Sultan, 46667 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Tel: 603-7967 8000
Faks: 603-7955 0964
<http://www.met.gov.my>



Malaysian Meteorological Department

@malaysianmet

MetMalaysia Hotline 1-300-22-1638
Maklumat Tsunami /Gempa Bumi 15544